

PEMBANGUNAN PENGETAHUAN PELAJAR TERHADAP AMALAN PENGURUSAN RISIKO SUKAN

Fatimah Mustaffa¹, Sarimah Ahmad² & Ahmad Esa^{3,1,2}

*Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu & ³Universiti Tun Hussin Onn, Malaysia.
fatimah.mustaffa@ipgkpm.edu.my¹*

Abstrak

Profesional sukan diberikan kuasa oleh orang ramai untuk membuat pertimbangan dalam menyediakan dan memastikan persekitaran sukan yang selamat daripada risiko melalui sifat pengetahuan dan latihan khusus profesional sukan. Pembangunan pengetahuan pengurusan risiko sukan membantu individu dalam mengawal, mengelak dan meminimumkan risiko kemalangan dan kecederaan. Pembangunan pengetahuan ini memberikan kesan kepada personaliti, kognitif, dan ciri-ciri emosi individu dalam menguruskan risiko. Negara-negara maju seperti Australia dan United Kingdom telah guna pakai model pengurusan risiko yang standard. Hal ini menunjukkan bahawa organisasi yang menawarkan atau melaksanakan program atau aktiviti sukan memerlukan jurulatih atau instruktur yang mempunyai asas kompetensi berpengetahuan, iaitu teori dan falsafah yang jelas dan berkemahiran serta mempunyai ciri-ciri sikap yang sewajarnya untuk mengendalikan program. Kajian ini dijalankan bagi Pembangunan Pengetahuan Pelajar terhadap Amalan Pengurusan Risiko Sukan (PPP-APRS) Institut Pendidikan Guru (IPG). Kajian ini memberi fokus kepada PPP-APRS yang dominan. Kajian ini adalah secara tinjauan dan responden kajian seramai 120 orang, iaitu pelajar (Institut Pendidikan Guru Malaysia) terdiri daripada 67 orang pelajar lelaki dan 53 orang pelajar perempuan. Instrumen kajian ialah soal selidik dan analisis data kajian rintis menggunakan pendekatan pengukuran Model Rasch dengan melaksanakan empat diagnosis bagi tujuan pemeriksaan kefungsiannya. Hasil dapatan kajian rintis menunjukkan kebolehpercayaan individu dan nilai kebolehpercayaan alpha cronbach ialah 0.92 (sangat baik) manakala nilai kebolehpercayaan item ialah 0.72, iaitu tahap yang baik. Dapatan kajian menunjukkan PPP-APRS berada pada tahap tinggi dan elemen yang dominan ialah liabiliti dan tort; peralatan dan kemudahan; dan demografi jurulatih.

Kata kunci: Pembangunan Pengetahuan Pelajar, Pengurusan Risiko Sukan, Model Rasch.

Abstract

Professional sport is authorized by the public to make judgments in preparing and ensuring safe sports environment due to the nature of their specialized knowledge and training. Development of risk management knowledge to help individuals see risk sports in control, prevent and minimize the risk of accidents and injuries. The development of this knowledge affects personality, cognitive, and emotional characteristics of individuals in managing risk. Developed countries such as Australia and the United Kingdom have adopted a standard model of risk management. This shows organizations that offer or execute programs or sports activities, need a coach or instructor who has a basic knowledge of theoretical competence and a clear philosophy, and skilled and has the characteristics of a proper attitude to handle the program. The study was conducted for the Development of Students Knowledge of Risk Management Practices Sport (PPP-APRS) Institute of Teacher Education (IPG). This study focuses on the PPP-APRS dominant. This review is for a review and a total of 120 respondents were students (Institut Pendidikan Guru Malaysia) consisted of 67 male students and 53 female students. The instrument was a questionnaire and pilot study data analysis using the Rasch model for measurement

approach by implementing four diagnosis for the purpose of examining the functionality of the item. The findings of the pilot study demonstrated the reliability of the individual and the Cronbach alpha reliability was 0.92 (very good), and the reliability of the items is 0.72 indicating a good level. The findings show that PPP-APRS is at a high level and is the dominant element of liability and tort; equipment and facilities; and demographic coach.

Keywords: Student Knowledge Development, Risk Management Sports, and Rasch Model.